

Moh  
27/04/05



حبيب رسول الله  
صلى الله عليه وسلم

الاجاز

SEMINAR HABIBI RASULULLAH S.A.W.

SEMPENA  
SAMBUTAN MAULIDURRASUL S.A.W. 1426H  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

ANJURAN:  
TAKMIR MASJID UNIVERSITI  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PADA:  
HARI RABU  
19 RABIULAWAL 1426H / 27 APRIL 2005M

KERTAS KERJA/NOTA RINGKAS CERAMAH:  
" KAEDAH MENCINTAI RASULULLAH SAW"  
OLEH  
DR HJ MOHD ZAIN BIN HJ MOHMOOD

## Nota ringkas ceramah

### KAEDAH MENCINTAI RASULULLAH SAW

oleh

DR HJ MD ZAIN BIN HJ MOHMOOD

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

#### **Muqaddimah:**

Segala puji dan syukur sama-sama kita panjatkan ke Hadhrat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW yang sentiasa kita cintai dan sanjung tinggi di atas jasa dan pengorbanan Baginda di dalam menyelamatkan umat manusia dari dunia hingga kealam akhirat.

Muhammad bin Abdullah SAW adalah insan yang paling istimewa di dalam segala-galanya dibandingkan dengan semua manusia dan makhluk lain yang pernah hidup sejak zaman dahulu sehingga sekarang dan sehingga ke akhir zaman. Bagindalah insan yang paling di cintai oleh Allah SWT. Paling Mulia, paling pandai, paling penyabar, paling fasih lidahnya, paling baik pergaulannya, paling kaya akal budinya dan sifat-sifat terpuji yang lain.

Satu lagi keistimewaan yang ada pada Baginda ialah Allah SWT mewajibkan umat Islam agar mencintai Baginda, bahkan cinta kepada Baginda merupakan salah satu dari tanda kesempurnaan iman bagi seseorang muslim. Mencintai Rasulullah SAW itu merupakan asas bagi orang yang mentaatinya dan menjadi pendorong kepada mereka agar suka dan dengan rela hati untuk mengikuti dan mengerjakan sunnah-sunnah Baginda. Manusia yang tidak mengasihi Rasulullah SAW akan mengakibatkan hatinya mengalami kekosongan, sehingga ia di isi oleh perasaan cinta kepada perkara-perkara lain yang tidak sepatutnya ia mencintainya dan akhirnya dia akan terjerumus kedalam lembah kehinaan.

Oleh yang demikian, setiap individu muslim di tuntutan supaya mencintai Baginda SAW melebihi dari cintanya kepada ahli keluarga, harta benda dan segala apa yang ada di dunia ini bagi mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

### **KENAPA KITA HARUS MENCINTAI RASULULLAH S.A.W.?**

Orang mukmin harus memberikan segala mahabbah, kecintaan dan ketaatan kepada Nabi saw., kerana kedudukan Baginda yang paling istimewa disisi Allah SWT. Baginda berhak menerima mahabbah dan kecintaan ini kerana:

- a) Baginda saw memiliki peribadi sempurna, selamat dari kesalahan dan kesilapan.
- b) Kerana Baginda saw memberikan sepenuh ketaatan kepada Allah.
- c) Kerana Sunnahnya sebagai sumber hukum yang kedua selepas Al-Quran.
- d) Kerana Baginda saw sebagai contoh dan ikutan kepada siapa yang menuntut ketinggian, keunggulan dan kesempurnaan yang sebenar.
- e) Kerana sifat Baginda saw. yang sangat amanah, menyampaikan risalah, menasihatkan ummah dan berjihad bersungguh-sungguh sehingga berjaya menegakkan Kalimah Allah di muka bumi ini.
- f) Kerana Baginda di ibaratkan sebagai lampu yang menerangi seluruh alam, pembawa rahmat dan pemimpin untuk manusia.

Benarlah Allah Yang Maha Besar berfirman dalam kitab yang diturunkan yang bermaksud: " Sesungguhnya bagi kamu, Rasulullah itu sebagai contoh ikutan yang baik bagi orang- orang yang mengharapkan Allah dan hari Akhirat dan selalu ingat kepadaNya " ( Al-Ahzab : 21 ).

Firman Allah lagi yang bermaksud: "Wahai Nabi, bahawasanya Kami utuskan engkau sebagai saksi pengembira, pengancam, penyeru kejalan Allah dengan izinNya dan sebagai lampu yang menerangi." ( Al-Ahzab : 45 )

## **BEBERAPA KAEDAH MENCINTAI BAGINDA SAW**

Secara ringkas, ada terdapat dua kaedah umum yang boleh di guna pakai bagi mencintai Baginda Rasulullah SAW.:

### **KAEDAH PERTAMA: Dari segi fikrah / prinsip:**

1. Cinta kepada Rasulullah adalah perintah Allah.( Lihat At- Taubah: 24).  
Nama Baginda di gandingkan bersama nama Allah di dalam Kalimah Syahadah.
2. Sebagai tanda berterima kasih dan cintakan Allah ialah cintakan Rasulullah.  
Sesiapa yang kasihkan Allah sudah tentu dia kasihkan Rasulullah. (Lihat: Ali-Imran: 31)
3. Kenal dahulu Rasulullah, baharulah jatuh cinta kepadanya.
4. Pada asalnya, hati setiap insan perlu di isikan dengan segala macam kebaikan. Kebaikan yang paling asas ialah cintakan Allah dan RasulNya. Kalau tidak, hati itu akan terisi dengan perkara-perkara buruk yang akhirnya akan membawa kepada kerusakan.
5. Membalas budi Rasulullah dengan cintakan Baginda. Apakah budi-budi Baginda kepada Kita?:
  - 1- Memperkenalkan peta jalan hidup: dari mana, kenapa dan kemana?.
  - 2- Membawa rahmat untuk seluruh alam.
  - 3- Menyelamat alam dari kesesatan dan kebinasaan.
  - 4- Sebagai matahari/ bulan menerangi alam dengan cahaya hidayat.
  - 5- Membawa satu model kehidupan yang paling lengkap dan sempurna.
  - 6- Sanggup berkorban demi kebahagiaan umat.
6. Semangat ingin meniru atau mencontohi orang lain adalah berlaku selepas cinta yang mendalam kepada seseorang itu. Oleh itu cinta yang hakiki kepada

Rasulullah akan mendorong seseorang itu ingin menjadikan Rasulullah sebagai QUDWAH HASANAH.

7. Mengetahui akibat buruk hasil dari PUTUS CINTA dengan Allah dan RasulNya:
  - 1- Jiwa akan rosak.
  - 2- Akhlak individu, rumah tangga dan masyarakat serta umat akan rosak.
  - 3- Jauh dari rahmat dan keberkatan Allah dan dekat dengan kemurkaan dan laknat Allah.
  - 4- Lihatlah gaya hidup insan yang putus cinta dengan Allah dan RasulNya.

### **KAEDAH KEDUA: Dari segi praktikal**

1. Melalui pendidikan:
  - 1- Ibu-ibu mengandung di galakan berselawat kepada Nabi, kerana segala tindakan ibu semasa mengandung akan memberi kesan kepada anak di dalam kandungan dan seterusnya selepas di lahirkan.
  - 2- Didik anak-anak dengan perasaan cintakan Allah dan RasulNya sejak dari kecil lagi.
2. Memeriahkan sambutan hari- hari kebesaran Nabi Muhammad:
  - 1- Sambutan Maulud.
  - 2- Hijrah Rasulullah.
  - 3- Israk dan Mikraj dan lain-lain.
3. Dikir Maulud dan Selawat:
  - 1- Memperbanyakkan selawat keatas Nabi SAW dan puji-pujian keatas Baginda dengan menghayati makna serta pengertiannya.
  - 2- Menyebarkan fadhilat-fadhilat selawat ke atas Nabi kepada pengetahuan umum.

- 4- Merasai dengan penoh jiwa bahawa Baginda SAW itu lebih menyayangi kita lebih dari ibubapa menyayangi kita. Firman Allah:

لقد جاءكم رسول من أنفسكم عزيز عليه ما عنتم حريص عليكم بالمؤمنين رءوف

رحيم

Bermaksud: " Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul dari kalanganmu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin". ( At-Taubah: 128)

- 5- Memastikan tanda-tanda kecintaan kita kepada Habibi Rasulullah sentiasa mekar di didalam diri setiap muslim, dengan :

- 1- Menyakini bahawa Baginda adalah insan yang teragong.
- 2- Menjaga kemuliaan Baginda.
- 3- Mengasihi keluarga Baginda.
- 4- Menyukai apa yang Baginda suka dan membenci apa yang Baginda benci.
- 5- Memperbanyakkan membaca selawat keatas Baginda. Kerana modal sedikit untungnya besar.
- 6- Mencintai dan rasa gembira kerana dapat melaksanakan sunnah Baginda.

- 6- Mengadakan bengkel-bengkel dan seminar-seminar bagi menghayati sirah dan perjalanan hidup Rasulullah SAW.

### **BUAH KECINTAAN KEPADA HABIBI RASULULLAH.**

Di antara buah hasil dari kecintaan kepada Baginda saw:

#### **1- Memperolehi kemanisan iman .**

Allah Taala telah menjadikan beberapa sebab bagi umat Islam agar memperoleh kemanisan iman, antara lain ialah dengan mencintai Rasulullah saw. melebihi dari cintanya kepada dirinya sendiri. Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

"Ada tiga perkara yang barang siapa memilikinya, dia akan mendapatkan kemanisan iman . 1- Hendaklah Allah dan Rasul-Nya lebih dicintai olehnya melebihi dari cintanya kepada selain kedua-duanya. 2- Dia mencintai seseorang, tidak mencintainya kecuali semata-mata kerana Allah. 3- Dia sangat tidak suka kembali kepada kekufuran, setelah Allah menyelamatkannya dari kekufuran itu, seperti dia sangat tidak suka jika dicampakkan kedalam neraka." ( HR. Bukhari, Muslim dari Anas).

Para ulama mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan kemanisan iman itu ialah merasa sangat seronok dalam melakukan taat kepada Allah, merasa lezat dalam beribadah kepada Allah, tanpa ada perasaan letih, bosan atau penat. Bersusah payah dalam meninggalkan segala laranganNya. Demikian juga dia tabah menghadapi segala cabaran dan rintangan dalam menjalankan kerja-kerja agama, sanggup menderita demi kepentingan Islam. Inilah namanya kemanisan iman yang akan diperolehi berkat kecintaan kepada Allah dan Rasul-Nya.

## **2- Sebagai menempah tiket untuk masuk syurga.**

Orang yang mencintai Nabi Muhammad saw mempunyai tiket untuk masuk syurga. Ini kerana manusia akan diletakkan dan dikumpulkan dengan orang-orang yang dicintainya. Demikian juga orang-orang yang mencintai Rasulullah saw akan dikumpulkan bersama Rasulullah saw didalam syurga. Ini bermakna orang yang mencintai Rasulullah bererti diawal-awal lagi dia telah menempah tiket untuk masuk syurga.

Anas bin Malik menceritakan bahawa pada suatu hari telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah saw seraya bertanya : " Wahai Rasulullah, bilakah masanya hari kiamat? " "Apa persediaan mu untuk menghadapi hari kiamat itu?" Tanya Rasulullah. Jawab orang itu " cinta kepada Allah dan Rasul-Nya " maka Rasulullah pun bersabda kepada orang itu :

Ertinya: " Sesungguhnya engkau akan bersama dengan orang-orang yang engkau cintai". ( HR Imam Muslim ).

Yang dimaksudkan bersama disini adalah bersama didalam syurga kelak. Jadi umat Islam yang mencintai Rasulullah saw disepanjang zaman walaupun tidak pernah berjumpa dengan Baginda, mereka juga akan dapat bersama Baginda didalam syurga kelak. Amin.

### **PENUTUP:**

Saya ingin mengakhiri nota ringkas ini dengan terjemahan beberapa bait-bait syair dari Al- Hafiz Syamsuddin Muhammad bin Nashiruddin Al- Dimasyqi tentang kelebihan memuliakan Nabi:

*Jika orang kafir seperti Abu Lahab  
Yang jelas mengecam Nabi Muhammad  
Celaka kedua-dua belah tangannya  
Dan kekal di dalam neraka*

*Di kabarkan bahawa setiap hari Isnain  
Dia di ringankan sedikit seksanya  
Hanya kerana kegembiraannya  
Dengan kelahiran Muhammad*

*Maka tidak dapat di bayangkan  
Dengan orang yang sepanjang hayatnya  
Gembira dengan Nabi Muhammad  
Dan mati pula dalam bertauhid kepada Allah.*

والله أعلم بالصواب، وبالله التوفيق والهداية، والسلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته